

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI
KAWASAN : RAUB
TARIKH : 05 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN NO. 36

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status progress, 'Milestone' dan 'Time frame' projek Lebuhraya Central Spine Road di Parlimen Raub.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek *Central Spine Road* (CSR) dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 346.9km telah pun dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan dibahagikan kepada enam (6) pakej utama iaitu:

- 1) Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sungai Lakit, Kelantan (47km);
- 2) Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59.6km);
- 3) Pakej 3: Gua Musang ke Kg. Relong, Kuala Lipis, Pahang (93.8km);
- 4) Pakej 4: Kg. Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (45km);
- 5) Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (54km); dan
- 6) Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (47.5km).

Projek CSR dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keutamaan kepada aspek keselamatan, kesesakan lalu lintas dan kesinambungan jajaran. Sehingga kini, jajaran sepanjang 224km telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu 165.1km di Negeri Pahang (Pakej 3, 4 dan 5) dan 58.9km di Negeri Kelantan (Pakej 2 dan 3). Terdapat satu Seksyen di kawasan Bentong, Pahang yang telah siap pada Oktober 2018 iaitu Seksyen 5C1 dari Kampung Asap ke Kampung Sertik sepanjang 5.78km. Status projek-projek lain yang telah diluluskan di kawasan Raub ke Bentong Pahang adalah dalam peringkat **pembinaan** seperti berikut:

NO SOALAN : 36

- i) Seksyen 4C dari Segar Lama ke Kuala Dong sepanjang 5.8km dan Seksyen 4D dari Kuala Dong ke Kampung Tanah Bercangkul sepanjang 13.6km baru sahaja dimulakan pembinaan pada 29 Jun 2020 dan dijadualkan siap pada Jun 2023;
- ii) Seksyen 5A Raub Bypass sepanjang 9.6km yang telah dimulakan pada Jun 2019 dan dijadualkan siap pada Jun 2022. Kemajuan semasa adalah sebanyak 9.7%;
- iii) Seksyen 5B dari Kampung Orang Asli Sungai Chandan ke Kampung Asap sepanjang 16km yang telah dimulakan pada Mac 2018 dan dijadualkan siap pada Mac 2020. Kemajuan semasa adalah sebanyak 57%; dan
- iv) Seksyen 5C2 dari Kampung Asap ke Kampung Sertik dan Seksyen 5D Bentong Bypass sepanjang 22.7km yang telah dimulakan pada April 2016 dan dijadualkan siap pada September 2020. Kemajuan semasa adalah sebanyak 95%.

Sekian, terima kasih.